



KEMENTERIAN
PEMBANGUNAN LUAR BANDAR

KENYATAAN MEDIA

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN LUAR BANDAR

SAHABAT KOMUNITI DESA (SKOD) KEMAS BAKAL PERKASA 182 KAWASAN PARLIMEN DI LUAR

KPLB.100-2/1/6 JLD.2 (55)

PADANG TERAP, 23 April - Kementerian Pembangunan Luar Bandar (KPLB) akan melaksanakan program Sahabat Komuniti Desa (SKoD) di 182 kawasan Parlimen yang berada di luar bandar bermula tahun ini.

Menurut Menteri, Datuk Seri Mahdzir Khalid, program di bawah penyelarasan Jabatan Kemajuan Masyarakat (KEMAS) itu dilaksanakan bagi menggerakkan aktiviti sukarelawan di luar bandar.

"SKoD ini merupakan Kumpulan Tindakan Komuniti yang ditubuhkan di kawasan luar bandar yang mempunyai peranan seperti Komuniti Rukun Tetangga.

Cuma bezanya SKoD fokus kepada komuniti di luar bandar dimana penyertaannya adalah secara sukarela dan terbuka serta membabitkan Penghulu, Ketua Kampung, Institusi Kepimpinan Komuniti, Jawatankuasa Masjid, Surau serta orang awam."

Beliau berkata demikian pada sidang media Majlis Komuniti Sejahtera dan Iftar Bersama Warga KEMAS di Pusat Komuniti Padang Kerasak di sini semalam.

Turut hadir, Ketua Pengarah KEMAS, Datuk Mohamad Yasid Bidin.

Jelas Mahdzir, SKoD disasarkan akan dianggotai sekurang-kurangnya 15 orang ahli bagi setiap kampung secara sukarela dan tanpa sebarang bayaran.

Antara pengisian Program SkoD termasuk aktiviti kesedaran kesihatan, amalan gaya hidup sihat dan program menangani isu keselamatan serta kebajikan penduduk kampung.

Juga program ke arah memupuk semangat patriotisme seperti sambutan Hari Kebangsaan dan Kebesaran Islam.

"Sebagai contoh apabila berlaku bencana seperti banjir, tanah runtuh atau kebakaran di kawasan mereka, sukarelawan SkoD ini akan menjadi barisan paling pantas untuk membantu mangsa yang terkesan dengan musibah yang berlaku di tempat mereka.

Kita juga berharap melalui program ini kita mampu melahirkan generasi pelapis yang akan menjadi barisan kepimpinan dalam kalangan penduduk kampung," ujar Mahdzir.

-TAMAT-

#KeluargaMalaysia

#BekerjaBersamaRakyat

DATUK SERI MAHDZIR KHALID

MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR

23 APRIL 2022

Unit Komunikasi Korporat. | Kementerian Pembangunan Luar Bandar
Tel: 03-8891 5945 Faks: 8888 2367 Email: ukk@rurallink.gov.my